

~~Ucapan: ADHO  
483  
102/80  
581-200/80~~

~~DERAF~~ UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN,

MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, DI HARI

PERASMIAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH

KEBANGSAAN KAMPUNG PANDAN, KUALA

LUMPUR, PADA 14HB JULAI, 1973 JAM ;

10.00 PAGI

---

2.

~~SEBAGAI PEMBUKAAN KATA~~ SAYA PERKARA

MENGUCAPKAN SETINGGI TERIMA KASIH KEPADA

LEMBAGA PENGURUS KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT

SAYA UNTUK MERESMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN NYA

TAMBAHAN SEKOLAH INI. SAYA JUGA BERASA

GEMBIRA KERANA TELAH DAPAT PELUANG BERJUMPA

DENGAN IBU-IBUBAPA, GURU-GURU DAN MURID-

MURID PADA HARI YANG BERSEJARAH INI. PUSKAN.

PELAJARAN MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING.

MELALUI PELAJARAN, KITA DAPAT MENINGGIKAN KADAR

DAYA PENGELUARAN DAN MENAMBAH DENGAN BANYAK LAGI

...2

HASIL-HASIL PENGELUARAN NEGARA. DENGAN DENIKIAN,

...3

2. PELAJARAN TELAH MENJADI PERKARA YANG AMAT PENTING KEPADA KITA. SESIAPA PUN TIDAK DAPAT MENAFIKAN KEBENARAN INI. NEGARA KITA SEKARANG SEDANG MELAKSANAKAN RANCANGANNYA UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM, DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT SUPAYA PENGENALAN KAUM, MENGIKUT KEGIATAN-KEGIATAN EKONOMI YANG TERTENTU, AKAN DAPAT DIHAPUSKAN. PELAJARAN MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING. MELALUI PELAJARAN, KITA DAPAT MENINGGIKAN KADAR DAYA PENGELUARAN DAN MENAMBAH DENGAN BANYAK LAGI HASIL-HASIL PENGELUARAN NEGARA. DENGAN DEMIKIAN,

PENDAPATAN RAKYAT AKAN TURUT MENINGKAT DAN  
MASALAH KEMISKINAN DAPAT DIKENDURKAN. PELAJARAN  
JUGA BOLEH MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN DI  
BERBAGAI BIDANG — DARIPADA BIDANG YANG RENDAH  
PENDAPATANNYA KEPADA YANG LEBIH TINGGI. DENGAN  
DEMIKIAN, PELAJARAN DAPAT MEMPERCEPATKAN PROSES  
MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT SEPERTI YANG DI  
CATITKAN DI DALAM DASAR EKONOMI BARU. TETAPI  
SAYA INGIN MENGINGATKAN BAHAWA, HANYA PELAJARAN  
YANG SESUAI SAHAJA, IAITU YANG SECUCUK DENGAN  
KEPERLUAN-KEPERLUAN NEGARA, YANG BOLEH MENCAPAI  
MATLAMAT INI. PELAJARAN SAINS, ~~DAN~~ TEKNIK, DAN

PERDAGANGAN, SANGATLAH DIPERLUKAN UNTUK  
PEMBANGUNAN PADA MASA SEKARANG DAN UNTUK MASA  
HADAPAN. PELAJARAN YANG BERMUTU TINGGI, JUGA  
BOLEH MENGUBAH NASIB SESEORANG MENJADI LEBIH  
BAIK LAGI. KEMENTERIAN PELAJARAN MEMANDANG  
BERAT TERHADAP PELAJARAN YANG BERMUTU TINGGI,  
DAN YANG SECUCUK DENGAN KEPERLUAN-KEPERLUAN  
NEGARA. SEBAB ITULAH, KEMENTERIAN PELAJARAN  
TELAH MENDIRIKAN 17 BUAH SEKOLAH VOKESYENAL,  
6 BUAH SEKOLAH MENENGAH TEKNIK, DAN SEDANG  
MEMBENA 11 BUAH SEKOLAH SAINS BERASRAMA PENUH.  
KEMENTERIAN JUGA BERUSAHA MELENGKAPKAN SEKOLAH-

SEKOLAH MENENGAH YANG LAIN, SUPAYA MATA-  
MATAPELAJARAN SAINS, ~~DAN~~ TEKNIK DAN PERDAGANGAN,  
DAPAT DIAJAR DENGAN LEBIH SEMPURNA DAN BERKESAN.

*Kementerian*  
~~KERAJAAN~~ JUGA SENTIASA MENYEMAK SEMULA BIDANG-  
BIDANG PELAJARAN, KAEDAH-KAEDAH MENGAJAR DAN  
PEMBEKALAN GURU-GURU YANG CUKUP KE SEKOLAH-  
SEKOLAH. UNTUK MENJAMIN PENTADBIRAN SEKOLAH-  
SEKOLAH, SUPAYA BERJALAN DENGAN BAIK DAN KEMAJUAN

*Kementerian*  
PELAJARAN MURID TIDAK MEROSOT, ~~KERAJAAN~~ SEDANG  
~~MENIMBANGKAN~~ UNTUK MENGGREDKAN JAWATAN-JAWATAN  
GURU-GURU BESAR DAN PENOLONG-PENOLONG KANAN,  
SETIMBAL DENGAN TUGAS DAN TANGGONGJAWAB MEREKA

DI SEKOLAH MASING-MASING. KEMENTERIAN  
~~PELAJARAN~~ <sup>juga</sup> PADA BULAN APRIL TAHUN 1973 INI,  
TELAH MEMBERI KURSUS PENTADBIRAN PENDIDIKAN  
DAN PENGURUSAN MODEN KEPADA 201 <sup>orang</sup> GURU-GURU  
BESAR SEKOLAH RENDAH, DAN PADA BULAN JULAI  
<sup>orang lagi</sup> INI, SERAMAI 350 GURU-GURU BESAR SEKOLAH  
RENDAH, MENENGAH, DAN PENOLONG-PENOLONG  
PENGELOLA SEKOLAH, AKAN DIBERI KURSUS YANG  
SAMA DI KOTA BHARU KELANTAN DAN DI JOHOR  
BHARU. SEGALA USAHA KEMENTERIAN PELAJARAN INI,  
TIDAKLAH BEGITU MUDAH DILAKSANAKAN SECARA  
SEKALI GUS. KAJIAN YANG TELITI PERLU DIBUAT

TERLEBIH DAHULU, DAN INI AKAN MEMAKAN MASA,  
TETAPI HASRAT KERAJAAN HENDAK MEMAJUKAN  
PELAJARAN, TIDAKLAH TERPESONG DAN AKAN  
MELAKSANAKAN SEGALA RANCANGANNYA SECARA  
BERPERINGKAT-PERINGKAT, MENGIKUT KEUTAMAAN  
DAN KEUPAYAANNYA.

DALAM KONTEKS, INI PERSATUAN IBUBAPA --- GURU-  
GURU, SANGATLAH BERGUNA DAN BOLEH MEMBANTU  
MENINGGIKAN LAGI MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI.  
IA BOLEH MENERANGKAN KEPADA IBU-IBUBAPA TENTANG  
KONSEP DASAR EKONOMI BARU BERTHUBUNG DENGAN  
PELAJARAN; IA BOLEH MEMBINCANGKAN DENGAN MEREKA

Puan<sup>2</sup> & Puan<sup>2</sup>

3. SUNGGUHPUN SAYA MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN MESTI MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING UNTUK MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN, TETAPI SAYA TIDAK BERMAKSUD MASYARAKAT TIDAK MEMPUNYAI PERANAN LANGSUNG. MALAHAN, SAYA BERPENDAPAT PELAJARAN ADALAH TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT JUGA. DALAM KONTEKS, INI PERSATUAN IBUBAPA ---GURU-GURU, SANGATLAH BERGUNA DAN BOLEH MEMBANTU MENINGGIKAN LAGI MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI. IA BOLEH MENERANGKAN KEPADA IBU-IBUBAPA TENTANG KONSEP DASAR EKONOMI BARU BERHUBUNG DENGAN PELAJARAN; IA BOLEH MEMBINCANGKAN DENGAN MEREKA

TENTANG TANGGUNGJAWAB SEORANG IBU DAN BAPA  
TERHADAP PELAJARAN ANAK-ANAK MEREKA YANG  
DI BANGKU SEKOLAH. PERSATUAN IBUBAPA ---GURU-  
GURU JUGA BOLEH MENGADAKAN KELAS-KELAS BIMBINGAN,  
UNTUK MURID-MURID YANG LEMAH DALAM PELAJARAN,  
DAN MENGADAKAN TABUNG DERMA UNTUK MEMBANTU  
MURID-MURID YANG MISKIN DAN YANG MEMERLUKAN  
BANTUAN. SAYA BERASA GEMBIRA SEKOLAH INI  
MEMPUNYAI PERSATUAN IBUBAPA -- GURU-GURU YANG  
CERGAS, DAN TELAH BANYAK MEMBERI SUMBANGAN  
TERHADAP KEMAJUAN PELAJARAN. SAYA BERHARAP  
KEADAAN YANG BAIK INI, AKAN BERTAMBAH BAIK UNTUK  
MENINGGIKAN LAGI KEMAJUAN PELAJARAN DI SEKOLAH  
INI.

Guan<sup>2</sup> & Puan<sup>2</sup>.

4. NUH SESAK DE DALAM USAHA KERAJAAN DAN IBUBAPA  
MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BELAJAR, UNTUK  
ANAK-ANAK DI BANGKU SEKOLAH, DISIPLIN ATAU  
TATATERTIB ANAK-ANAK KITA TIDAK HARUS KITA  
LUPAKAN. DISIPLIN YANG BAIK TERBENTUK DARI-  
PADA SIKAP YANG BAIK, DAN SIKAP YANG BAIK IALAH  
HASIL DARIPADA PIMPINAN DAN TAULADAN YANG BAIK.  
DISIPLIN YANG BURUK, BOLEH MEMBERI KESAN YANG  
AMAT MERUGIKAN MURID-MURID ITU SENDIRI DALAM  
PELAJARAN MEREKA, DAN INI AKAN SETERUSNYA  
MERUGIKAN NEGARA. DI BANDAR-BANDAR BESAR,  
SEPERTI IBU KOTA KUALA LUMPUR INI, MASYARAKAT  
ADALAH SANGAT KOMPLEKS, DAN KEHIDUPAN SENTIASA

PENUH SESAK DENGAN MASALAH-MASALAH SOSIAL YANG TELAH WUJUD DARIPADA KADAR PENAMBAHAN PENDUDUK YANG CEPAT, MASALAH-MASALAH PERUMAHAN DAN PENGANGGURAN. MASALAH-MASALAH INI SAMA SAHAJA DENGAN MANA-MANA BANDAR BESAR DI SELURUH DUNIA. MURID-MURID SEKOLAH MUDAH SANGAT TERDEDAH DAN TERPERANGKAP, OLEH PENGARUH-PENGARUH LIAR YANG TIDAK DI INGINI OLEH MASYARAKAT, SEPERTI PENGISAPAN GANJA DAN MADAT DAN SEBAGAINYA. SAYA BERHARAP, IBU-IBUBAPA SEKALIAN HENDAKLAH MEMANDANG BERAT TERHADAP MASALAH INI. ANAK-ANAK KITA, MEMERLUKAN PIMPINAN YANG BAIK DARIPADA KITA

DAN TUNJUK AJAR YANG BERGUNA, UNTUK MEMBENTUK  
PERWATAKAN YANG MULIA BAGI MEREKA. SAYA SEDAR  
BAHAWA KITA SEMUA MEMENTINGKAN KEMUDAHAN-  
KEMUDAHAN MATERIAL ATAU KEBENDAAN, UNTUK  
KESENYANGAN HIDUP KITA, ~~BERSAMA~~ TETAPI KITA JUGA  
MEMERLUKAN PIMPINAN JIWA YANG SEIMBANG, SUPAYA  
KEHIDUPAN KITA MENJADI SEIMBANG DAN LEBIH  
SIHAT DAN TENTERAM LAGI.

Puan<sup>2</sup> & Puan<sup>2</sup>.

5. UNTUK MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN ANAK-ANAK KITA DI BANGKU SEKOLAH, DAN MEMUPUK PERWATAKAN<sup>9</sup> YANG BAIK, KITA SEHARUSNYA MEMBERI DIDIKAN DARIPADA PERINGKAT BAWAH LAGI. MAKA ITULAH SEBABNYA, KERAJAAN MEMBERI PERHATIAN SECUKUPNYA, UNTUK MEMAJUKAN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH, LEBIH-LEBIH LAGI SEKOLAH-SEKOLAH DI KAWASAN LUAR BANDAR. SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG PANDAN INI, TELAH DIBERI PELUANG INI. KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN \$115,000 UNTUK bangunan tambahan, MEMBENA SEBUAH ~~SEKOLAH BARU~~ MENGANDUNGI 10 1 kantin dan BILIK DARJAH, 1 PEJABAT, 1 BILIK GURU. SAYA BERHARAP, SEGALA KEMUDAHAN YANG ADA INI, AKAN

DIGUNAKAN SEPENUHNYA, OLEH MURID-MURID SEKOLAH  
INI UNTUK FAEDAH MEREKA SENDIRI DAN MASYARAKAT  
DI SINI AMNYA. SAYA TELAH MENELITI PERKEMBANGAN  
SEKOLAH INI SELAMA INI, DAN SAYA SANGAT  
MENGHARGAKAN SEGALA USAHA YANG TELAH DIJALANKAN  
UNTUK MEMAJUKAN SEKOLAH INI.  
SEKOLAH INI TELAH DIMULAKAN DENGAN  
MURIDNYA BERJUMLAH 50 ORANG DALAM TAHUN 1949,  
DALAM SEBUAH BANGUNAN SEMENTARA YANG DIBENA OLEH  
ORANG-ORANG KAMPUNG. KESEDARAN PENDUDUK-  
PENDUDUK DI SINI PADA MASA ITU, SANGATLAH KITA  
BANGGAKAN. SEKARANG BILANGAN MURID SUDAH MENINGKAT

LEBIH DARIPADA 1,000 ORANG, DAN DITEMPATKAN  
DI SEBUAH BANGUNAN YANG JAUH LEBIH BAIK DARIPADA  
BANGUNAN YANG LAMA. SAYA DAPATI JUGA KEMAJUAN  
PELAJARAN MURID-MURID DI SEKOLAH INI, TELAH  
JUGA TURUT MENINGKAT MAJU SETAHUN DEMI SETAHUN.  
PADA TAHUN 1969, SERAMAI 72% MURID-MURID TELAH  
LULUS SEMUA MATAPELAJARAN DALAM UJIAN PENILAIAN  
DARJAH V, DAN DALAM TAHUN 1972, 81.8% TELAH  
LULUS. KELULUSAN DALAM MATAPELAJARAN ILMU HISAB  
DAN ILMU SAINS JUGA, TELAH MENINGKAT SEHINGGA  
LEBIH DARIPADA 80% ~~YANG~~ TELAH LULUS DALAM TAHUN  
1972. DAN PADA TAHUN 1973 INI, SERAMAI 30 ORANG

MURID DARI SEKOLAH INI, TELAH DIPILIH UNTUK  
MELANJUTKAN PELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH BERASRAMA PENUH, DAN SEKOLAH-SEKOLAH  
TERKEMUKA DI NEGARA INI. SEGALA KEJAYAAN INI,  
ADALAH HASIL DARIPADA KERJASAMA YANG DIBERIKAN  
OLEH SEMUA PIHAK -----GURU BESAR, GURU-GURU,  
IBU-IBUBAPA DAN MASYARAKAT. SAYA BERHARAP,  
SEKOLAH INI AKAN MENDAPAT KERJASAMA YANG LEBIH  
BANYAK LAGI DARIPADA IBU-IBUBAPA DAN MASYARAKAT,  
DAN GURU-GURUNYA AKAN LEBIH BERUSAHA LAGI UNTUK  
MENINGGIKAN LAGI KEMAJUAN PELAJARAN DI SEKOLAH  
INI.

AKHIRNYA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN  
 TERIMA KASIH. *Lamatkan ucapan saya ini*  
 SEBELUM SAYA ~~MERESMIKAN BANGUNAN~~  
~~TAMBAHAN SEKOLAH INI~~ SAYA SUKA MENGUMUMKAN  
 BAHAWA KEMENTERIAN SAYA, TELAH MELULUSKAN SATU  
 PROJEK BARU UNTUK SEKOLAH INI BAGI TAHUN 1974,  
 SEBANYAK 11 BUAH BILIK DARJAH YANG BERHARGA  
 \$120,000. SEKARANG DENGAN SEGALA SUKACITANYA,  
 SAYA RESMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH INI.



~~Y. B. Datuk,~~

~~Yang di atas menggantikan Mes. 17.~~  
~~dalam ucapan yang asal. Encik Anis (Bah. Pamban~~  
~~gunan)~~  
~~telah mengesahkan projek baru ini, dan~~  
~~sa boleh diumumkan. Harun~~

13/7/73

AKHIRNYA SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN

TERIMA KASIH. SEBELUM SAYA MERESMIKAN BANGUNAN

TAMBAHAN SEKOLAH INI SAYA SUKA MENGUMUMKAN

BAHAWA KEMENTERIAN SAYA TELAH MELULUSKAN SATU

PROJEK BARU UNTUK SEKOLAH INI BAGI TAHUN 1974

SEBANYAK 11 BUAH BILIK DARJAH YANG BERTARAF

120,000. SEKARANG DENGAN SEGALA SUKACITANYA

SAYA RESMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH INI.



No. Siri .....	558
No. Penerimaan .....	203/80

18/11/74